

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERBAHAGIA NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
LT. KOL. PROF. DATUK KAMARUZAMAN HJ AMPON

PROGRAM PERTANDINGAN DEBAT PIALA NAIB CANSELOR
(BAHASA MELAYU)

29 OGOS 2008

DEWAN RESITAL

9.30 MALAM

Bismillahirrahmannirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terimakasih pengurus majlis
(Salutation)

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat daripada-Nya maka, program Pertandingan Debat Piala Naib Canselor ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Syabas diucapkan kepada pihak Jawatankuasa Penganjur atas kejayaan penganjuran Majlis Debat ini. Walau pun terdapat banyak halangan yang terpaksa ditempuh, namun para ahli jawatankuasa pelaksana dapat juga melaksanakan majlis ini dengan jayanya.

Tahniah diucapkan kepada para peserta debat iaitu para mahasiswa setiap kolej kediaman dan juga mahasiswa dari Kampus Antarabangsa Labuan. Penglibatan anda semua secara tidak langsung dapat menghubungkan ukhwah dan ikatan persahabatan di antara kolej-kolej kediaman UMS induk dan UMS-KAL. Dengan penyertaan dan kehadiran anda semua, maka secara langsung telah menyemarakkan dan memeriahkan lagi pertandingan debat kali ini.

Selaras dengan tema pertandingan kali ini iaitu "Ke Arah Kesarjanaan dan Keintelektualan", para peserta berupaya untuk mengasah bakat-bakat baru dan mengembangkan idea seterusnya dengan mempertahankan idea-idea mengikut pendirian kumpulan masing-

masing sama ada sebagai pihak pembangkang mahu pun kerajaan. Hal ini secara tidak langsung dapat memperkasakan pemikiran kreatif dan intelektual mahasiswa. Inilah antara objektif utama pertandingan ini dianjurkan.

Harapan saya kepada anda semua ialah walaupun anda berprogram, tanggungjawab anda sebagai pelajar yang mengejar kecemerlangan akademik janganlah diabaikan begitu sahaja. Di zaman yang serba canggih dan semakin maju masa kini, pencapaian akademik amat penting dalam memastikan anda mendapat tempat yang baik di alam pekerjaan bahkan mampu mencapai kecemerlangan dalam semua perkara yang dilakukan.

Dengan yang demikian, negara kita akan dapat terus berbangga kerana mempunyai generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang kerana mampu mengaplikasikan segala pengetahuan yang ada bagi memajukan dan membangunkan negara. Pesanan saya, janganlah anda menggunakan kemahiran berdebat untuk membahaskan isu sensitif dengan memutar-belitkan fakta. Dimana kesannya bukan sahaja dapat mempengaruhi masyarakat malah menjelaskan keharmonian sekaligus kemakmuran negara.

Apa yang paling penting dalam melakukan sesuatu perkara adalah niat, matlamat dan usaha melakukan sesuatu perkara itu agar setiap apa yang kita lakukan diredhai oleh Allah SWT. Saya mendoakan agar para pelajar sekalian berjaya dalam apa juga perkara yang dilakukan terutama dalam ujian pertengahan semester buat masa terdekat ini.

Tahniah diucapkan kepada barisan jawatankuasa pelaksana kerana mampu menganjurkan program seumpama ini yang berbentuk akademik dan menjana pemikiran mahasiswa universiti. Saya berharap segala kekurangan dalam menjalankan program ini dapat diperbaiki dan dimantapkan lagi di masa hadapan.

Akhir kata daripada saya, kejayaan sesuatu perkara itu memerlukan pengorbanan dan semangat yang jitu dan berterusan bagi mencapai kecemerlangan. Ingatlah sepertimana kata peribahasa yang biasa kita dengar, "usaha itu tangga kejayaan". Oleh itu, teruskan usaha dan semoga anda selamat dalam merintis kejayaan.

Dengan ingatan itu, maka saya dengan lafaz
Bismillahhirrahmanirrahim merasmikan majlis Pertandingan Akhir
Debat Bahasa Melayu Piala Naib Canselor Ke-8.

Sekian dan terima kasih.